



*DATUK Ir Jaseni Maidinga menyampaikan ucapan pada majlis Perancangan aplikasi 'myPBA' Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP's) untuk pengguna peranti mudah alih di Pulau Pinang di Kompleks Tun Abdul Razak, Komtar, Georgetown.- Foto Mikail Ong*

GEORGETOWN: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melancarkan aplikasi khas bagi memudahkan pengguna berdaftar membuat pembayaran bil air di negeri itu.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Jaseni Maidinsa, berkata aplikasi 'myPBA' itu membolehkan pelanggan memantau kadar penggunaan air serta bil yang dikenakan secara atas talian. Katanya, pada masa sama pelanggan yang berhadapan masalah juga boleh membuat laporan segera mengenai perkhidmatan bekalan air di kawasan mereka.

"Aplikasi ini dibangunkan bagi kemudahan 589,797 pengguna berdaftar PBAPP yang membolehkan mereka berhubung terus dengan kita. "Pengguna boleh membuat pembayaran bil, membuat laporan dan mengakses informasi terkini perkhidmatan bekalan air setiap hari," katanya pada Majlis Pelancaran Aplikasi 'myPBA' di Kompleks Tun Abdul Razak, di sini, hari ini.

Aplikasi terbabit boleh mula dimuat turun melalui Google Play Store untuk peranti android dan Apps Store untuk peranti Apple iOS.

Selanjutnya di : <http://www.bhplus.com.my/node/244734>